

06/08/2003

Malik lambang atlit sejati

Zairee Zahir

MALAYSIA mampu berbangga apabila seorang lagi wira negara, Abdul Malik Mydin memahatkan namanya dalam senarai kecil perenang yang berjaya merentasi Selat Inggeris.

Ada yang tidak menaruh keyakinan terhadapnya. Ada juga yang menganggapnya sebagai satu `stunt' atau gimik untuk menarik perhatian tetapi ia tidak pernah melunturkan semangat perenang 28 tahun itu untuk menakluk Selat Inggeris - acara renang maraton paling berprestij di dunia kerana cabaran tersendiri yang hanya ada di selat itu.

Bagi Abdul Malik - bekas pelumba basikal kebangsaan - sindiran sinis mereka yang pesimis diterjemahkan secara positif sebagai satu cabaran kerana sikap semula jadi manusia memang mudah memperlekehkan seseorang.

Paling penting baginya ialah dia mendapat sokongan pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kabinetnya kerana Abdul Malik mahu berenang atas nama bangsa Malaysia.

Dia juga mendapat sokongan pada daripada pihak penaja khususnya Yayasan AlBukhary yang yakin terhadap usaha itu.

Kerana itulah, dia tidak menghiraukan pelbagai kenyataan kurang manis yang dilemparkan kepadanya sejak mula lagi.

Tepat jam 7.50 petang kelmarin (2.50 pagi Isnin waktu Malaysia), Abdul Malik membuktikan bahawa seorang lagi anak Malaysia mampu berdiri sama tinggi dengan bangsa Eropah lain.

Biarpun tempoh rejangannya agak lama - 17 jam 35 minit - mengikut catatan rasmi yang dikeluarkan Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF), hakikatnya Abdul Malik dapat merentasi Selat Inggeris.

Dan dia melakukannya selepas resah menunggu lama apabila tempoh rejangannya ketika air pasang kecil berakhir.

Dia melakukannya ketika tempoh air pasang besar yang dianggap berbahaya dan mengikut haluan lebih jauh selepas mengalami keadaan perairan yang cukup sukar dan mencemaskan pada lima kilometer terakhir, membabitkan jarak rejangannya yang mungkin mencecah 58km.

Ketika itu, terpancar semangat juang sejati Abdul Malik sehingga dia meredah ombak besar dan tiupan angin kencang untuk memastikan kakinya mencecah pantai Calais di Perancis.

Sebaik siren dibunyikan, Malaysia disahkan melahirkan seorang wira baru dan Abdul Malik dapat memaksa pihak yang pesimis sebelum ini, menelan semula segala kenyataan pedas mereka.

Kepada mereka yang mungkin tidak menyaksikan sendiri rakaman setiap detik aksi mencemaskan sebelum itu mungkin menganggap ia satu perkara biasa - satu lagi sifat semulajadi manusia yang enggan melihat sesuatu dari sudut positif.

Tetapi bagi kumpulan wartawan yang berada di dalam salah satu bot pengiring dan mengikuti setiap kuakan tangan Abdul Malik dari mula, perasaan yang bercampur baur antara cemas dan puas ketika peristiwa itu cukup luar biasa dan mengagumkan.

Biarpun tugas sekadar untuk memberikan laporan terkini mengenai perkembangan perenang itu sejak berada di London dua minggu lalu, kemesraan yang terjalin dengan Abdul Malik membuatkan kejayaannya kelmarin lebih berharga dan bersifat peribadi.

Di kalangan lapan wartawan tempatan yang mengikuti rejangannya dari mula di Abbots Cliff hingga ke pantai Wissant di Calais, ia pasti menjadi antara detik manis kami selaku wartawan.

Sekali lagi. Kami tabik Abdul Malik Mydin.